BAB 2

LATAR BELAKANG TEORI

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan 3 perkara utama yang menjadi asas penyelidikan disertasi ini. Aspek pertama yang akan disentuh ialah sejarah perkembangan ilmu semantik secara ringkas; kedua, analisis komponen yang menjadi dasar kajian; ketiga, jenis-jenis komponen semantik dan perkaitan makna yang wujud dalam kelompok sesuatu domain semantik.

2.2 Sejarah Perkembangan Ilmu Semantik

Menurut Hugh R. Walpole (1941), semantik atau semasiologi adalah satu kajian tentang makna sesuatu perkataan. Semantik menunjukkan bagaimana kebanyakan perkataan mempunyai lebih daripada satu makna.

Jerrold J. Katz (1972) dalam bukunya yang bertajuk Semantic Theory mendefinisikan semantik sebagai;

'Semantics is the study of linguistic meaning. It is concerned with what sentences and other linguistic object express, not with the arrangement of their syntactic parts or with their pronounciation'.

Kenyataan ini bermaksud: Semantik adalah satu kajian tentang linguistik makna. Kajian ini menekankan makna sesuatu ujaran dan objek-objek linguistik yang lain dan tidak kepada kepentingan susunan konstituen dalam ayat atau cara penyebutannya.

Pei, Mario A dan Gaynor, Frank (1980) dalam A Dictionary of Linguistic memberikan maksud semantik sebagai;

'Science dealing with the relations between referents and referends - linguitic symbols (words, expresssions, phrases) and the objects or concepts to which they refer and with the history and changes in the meaning of words'

Dalam Kamus Linguitik oleh Harimurti Kridaklaksana (1983), semantik mempunyai 2 pengertian;

i). Semantik adalah bahagian daripada struktur bahasa yang berkaitan dengan makna dari ungkapan dan juga struktur makna sesuatu pertuturan.

ii). Semantik adalah satu sistem dan penyelidikan tentang makna dalam sesuatu bahasa.

Sementara Tarigan (1985) mentafsirkan semantik sebagai '... kajian makna yang mengkaji lambang atau tanda-tanda yang menerangkan makna, hubungan makna antara satu perkataan dengan yang lain dan pengaruhnya terhadap manusia dan masyarakat. Oleh itu, semantik meliputi makna-makna kata, perkembangan dan perubahan'.

Frank Parker (1994), dipetik oleh Raja Rahawani Raja Mamat (1994), menyatakan ' semantik merupakan suatu bidang pengkajian tentang aspek makna dalam bidang pengkajian tatabahasa secara khusus, iaitu ia merujuk pengkajian tentang struktur dalam sesuatu bahasa'. Menurut beliau lagi, bidang semantik merupakan komponen tatabahasa yang begitu sukar difahami, maka, ia berkemungkinan merupakan salah satu aspek dalam bidang pengkajian linguistik yang sukar dipelajari. Malah menurutnya, sehingga kini tiada siapa pun yang telah berjaya memperkembangkan suatu teori makna dalam bidang linguistik yang bersifat autoritatif dan menyeluruh.

Menurut Brigitte Nerlich (1992), kajian tentang semantik telah bermula sejak abad ke-19. Menurut beliau lagi, semasa abad ke-19 ... semantics was a very productive field, a centre of innovations and

controversies.... Once `semantics' was established as a linguistic discipline in 19th century, this fascination with meaning led to a sudden increase in books, treatises, pamphlets and so on, dealing with semantic topics in the widest sense of this term'.

Sepanjang perkembangan ilmu semantik, menurut Norhashimah Jalaluddin (1992), ada 3 peringkat yang nyata dalam perkembangan ilmu ini;

i). Peringkat 1 yang dikenali sebagai semantik struktural

ii). Peringkat 2 yang dikenali sebagai semantik generatif dan interpretif

iii). Peringkat 3 yang dikenali sebagai semantik syarat-benar (truth-condition semantic)

Menurut beliau lagi, golongan semantik pada peringkat 1 mengekalkan tradisi ahli golongan struktural. Semantik dianalisis sama sebagaimana ahli struktural membuat penganalisisan ilmu fonologi. Setiap perkataan diberikan fitur distingtif untuk memperlihatkan fitur khasnya dan hubungan antara fitur tersebut.

Contoh;

teruna +lelaki

gadis -lelaki

Daripada fitur khas ini, kita dapat menerangkan persamaan dan perbezaan semantik bagi setiap kata. Maka tugas golongan ahli semantik ini adalah untuk mencari satu set fitur semantik yang dapat disebarluaskan bagi seluruh perbendaharaan kata.

Jika terdapat perkataan yang mempunyai satu interpretasi yang serupa seperti teruna dan bujang, maka kedua-dua ini dikatakan sinonim. Jika perkataan mempunyai ciri pembeza untuk perempuan dan lelaki ± lelaki maka perkataan ini dianggap antonim.

Pengkaji semantik pada peringkat ini mengandaikan fitur semantik bagi sesuatu perkataan dalam sesuatu ayat dapat digolongkan untuk mendapatkan makna seluruh ayat.

Walau bagaimanapun, pendapat ini tidak dapat diterima kerana perkataan yang sama disusun mengikut aturan yang tidak serupa maka makna yang akan dihasilkan sudah tentu berbeza.

Contoh;

Kucing mengejar tikus

Tikus mengejar kucing

Kedua-dua ayat di atas tidak mempunyai makna yang sama walaupun fitur semantik bagi kesemua perkataan adalah sama.

Buku Katz yang berjudul Semantic Theory (1972) telah melupuskan semantik pada peringkat ini. Dalam bukunya, Katz cuba memberikan makna bagi keseluruhan ayat dan bukannya tertumpu kepada makna perkataan sahaja. Bagaimanapun usaha ini tetap gagal.

Golongan semantik peringkat 2 banyak melibatkan ilmu logik. Ahli logik berpendapat mereka mempunyai sistem logik serupa bahasa bagi memberikan representasi semantik dengan menggunakan predikat kalkulas. Predikat kalkulas yang digunakan dalam analisis semantik dapat memperlihat set peraturan logik atau kebenaran dalam bentuk deduktif yang sistematik. Rumus yang digunakan juga mampu memperlihat struktur dalaman bagi bentuk proposisi yang mudah. Memandangkan rumus bagi memperlihat struktur dalaman sesuatu ayat dianggap mudah oleh ahli logik, maka ahli logik cuba menerapkan rumus ini pada representasi semantik. Bagi golongan ini, lebih mudah menerangkan makna ayat dengan menggunakan rumus logik daripada menggunakan huraian yang panjang. Mereka seterusnya berpendapat bentuk logik akan menjadi input kepada rumus inferens logik (perkara yang boleh disimpulkan daripada cadangan logik). Rumus inferens ini dapat digunakan untuk meramalkan beberapa ciri semantik dan hubungannya dengan ayat bahasa asli.

Cara yang dilakukan oleh ahli logik adalah dengan sesuatu ayat akan diberikan fitur khas semantiknya. Ahli logik berpendapat jika sesuatu ayat itu seerti dengan ayat yang dibandingkan maka makna bagi ayat tersebut adalah sinonim. Seterusnya ahli logik akan membandingkan fitur khas semantik bagi ayat-ayat yang tersebut. Jika fitur ini tidak selari, maka di sinilah akan munculnya peranan rumus logik.

Contoh:

Ayat (i) di bawah ini akan mempunyai fitur khas seperti dalam ayat(ii);

(i) Ali teruna.

(ii) Remaja (Ali) & Lelaki(Ali) & Manusia (Ali) & Belum Berkahwin (Ali).

Ayat (i) serupa (bersinonim) dengan ayat (iii) yang mempunyai bentuk fitur khas seperti dalam (iv).

(iii) Ali belum berkahwin.

(iv) Belum Berkahwin(Ali) & Remaja (Ali) & Lelaki(Ali) & Manusia(Ali)

Bentuk fitur khas (ii) dan (iv) tidak benar-benar serupa. Faktor sinonim tidak boleh diletakkan sebagai tanda pengenalan (identiti) bagi bentuk fitur khas (ii) dan (iv).

Bagi membolehkan kedua-dua bentuk fitur khas ini menjadi sinonim, rumus logik seperti & -pengguguran dan & - pengenalan boleh diterapkan. Oleh itu kedua-duanya dapat mencakupi antara satu sama lain.

Semantik pada peringkat ini cuba menunjukkan bahawa ciri-ciri semantik dan hubungan ayat ialah hasil perkongsian antara dua perkara:

1). Rumus yang menterjemahkan bahasa asli kepada bentuk logik.

2). Rumus inferens logik yang menghubungkaitkan antara bentuk logik dengan bentuk logik yang lain.

Golongan logik mendakwa bahawa ayat bahasa asli akan diterjemahkan dan diberikan fitur khas semantik. Kemudian bentuk logik diterapkan bagi mendapatkan interpretasi semantik. Sebelum mendapatkan interpretasi semantik, bentuk logik akan dihubungkan dengan bentuk logik yang lain dengan menggunakan rumus inferens. Pada peringkat inilah proses pencakupan diterapkan dengan menggunakan rumus logik & -pengenalan, daripada sinilah ayat yang sinonim maknanya dapat dihasilkan sebagai contoh di atas. Daripada rumus inferens barulah rumus interpretasi semantik terhasil dan seterusnya menghasilkan interpretasi yang sebenar.

Analisis semantik pada peringkat ini gagal kerana tidak berjaya memperlihatkan hubungan antara ayat-ayat harus berinteraksi untuk membuktikan sesuatu ayat itu sinonim.

Golongan semantik peringkat 3 iaitu semantik syarat-benar atau juga dikenali sebagai semantik interpretif. Golongan ini cuba mengnubungkan segala pengucapan linguistik kepada bentuk hubungan (states of affairs) dalam dunia kemungkinan (possible world). Segala bentuk hubungan ialah syarat-benar bagi pengucapan linguistik.

Contoh:

Ali nampak seekor tupai.

Bagi mendapatkan interpretasi semantik ayat di atas, beberapa set dunia kemungkinan, iaitu yang ditandai d1, d2, d3,..... dn dan dalam dunia ini pula ada beberapa jenis ragam manusia atau objek-objek yang dilambangkan dengan a1, a2, a3, ... an. Dunia tersebut dihubungkaitkan dengan manusia dan objek. Contohnya dalam d1, a1 mungkin Ali, a2 dan a3 ialah tupai. Dalam hal ini, a1 mempunyai ciri melihat a2 dan a3 ialah tupai. Sementara dalam d2, a1 mungkin apa sahaja yang mempunyai rupa bentuk tupai. Dalam d3 pula, a1 ialah Ali, a2 dan a3 tupai. a1 ada melihat a3 tetapi tidak a2. Dalam hal ini, syarat-benar bagi ayat, Ali ternampak seekor tupai adalah benar dalam dunia kemungkinan d1 dan d3 dan tidak benar bagi d2.

Umumnya, bagi memberikan syarat-benar ayat di atas, kita mestilah mengkhususkan bahawa kebenaran itu sahih dalam dunia yang sekurang-kurangnya ada seekor tupai dan Ali melihat tupai itu.

Pendekatan ini lebih merupakan pengkhususan bagi set dunia kemungkinan yang tidak terhingga banyaknya. Setiap dunia kemungkinan mengandungi set individu dan set ciri hubungan antara dunia kemungkinan individu atau objek di dalamnya. Bagi menentukan syarat-benar setiap ayat, perlu disenaraikan ke semua individu, ciri-ciri dan hubungannya dalam set yang tidak terhingga banyaknya bagi dunia kemungkinan mengikut asas-asas yang rasional serta logik. Ataupun dipilih individu yang sesuai, ciri-ciri dan hubungan dalam setiap dunia kemungkinan secara rasional serta logik.

Kelemahan yang menjurus kepada kegagalan golongan ini ialah ayat yang digunakan oleh mereka ialah ayat yang telah ditentukan konteksnya, seolah-olah tidak perlu mencari dan memilih konteks yang sesuai bagi ayat tersebut. Ayat yang dijadikan contoh, lebih merupakan ayat yang berbentuk definisi yang sudah pasti kesasihannya. Golongan ini terus-terusan mendapat pelbagai kritikan yang selanjutnya membuktikan kekurangan dan kelemahan mereka;

A505991128

i). Tidak dapat menerangkan kebenaran dan ketidakbenaran ayat bukan penyata

ii). Implikatur konvensional iaitu inferens yang mempunyai syarat-benar dan seterusnya tidak dapat dibuktikan kesahihannya

iii). Silap meramalkan bahawa semua kebenaran ialah sinonim

iv). Tidak ada ketentuan dalam semantik syarat-benar ; makna yang diberikan kabur.

Kegagalan golongan semantik syarat-benar telah menimbulkan teori semantik sistem penuh.

Teori semantik sistem penuh memperlihatkan interaksi antara semantik dengan pragmatik. Pragmatik berperanan mengisi jurang yang terbentuk apabila fungsi semantik sebagai sebahagian daripada nahu itu terhenti. Pragmatik adalah berkenaan dengan pengetahuan bukan linguistik yang digunakan bagi menginterpretasi ujaran.

Pragmatik menurut Stephen C Levison (1982) dipetik oleh Norhashimah Jalaluddin (1992), sebagai ' ilmu yang bersangkutan dengan ilmu sosiolinguistik, neurolinguistik dan psikolinguistik'. Menurut

beliau lagi, pragmatik ialah satu teori berkenaan dengan interpretasi ujaran yang antara lain termasuk peng interpretasi an ayat yang taksa, yang eliptik (ayat yang digugurkan kata kerjanya, tetapi masih boleh difahami dengan merujuk kepada ujaran yang sebelumnya), memperoleh makna implisit (makna tersirat) di samping melihat hajat sebenar si penutur terhadap ujaran yang disampaikannya.

Frank Parker (1994) dipetik oleh Raja Rahawani Raja Mamat (1994), menghuraikan 'pragmatik sebagai satu bidang pengajian yang mengkaji bagaimana bahasa digunakan dalam komunikasi'. Bidang ini mempunyai hubungan yang rapat dengan cara bagaimana sesuatu bahasa itu digunakan untuk berkomunikasi bukannya bagaimana cara sesuatu struktur dalaman sesuatu bahasa itu dibentuk.

Bidang pragmatik adalah ilmu yang menentukan interpretasi sebenar sesuatu ujaran. Norhashimah Jalaluddin (1992) menggariskan 3 peranan utama ilmu pragmatik; pertama, ilmu pragmatik mempunyai tugas menyelesaikan ketaksaan, masalah kekaburan dan ketidaktentuan mencari rujukan serta tugas mengayakan segala maklumat yang tidak lengkap. Kedua, ilmu ini juga mampu membantu memperoleh makna yang terkandung secara implisit bagi sesuatu ujaran yang eksplisit. Ketiga, konteks sesuatu ujaran dilahirkan, iaitu dalam metafora dan ironi.

2.3 Analisis Komponen

Geoffery Leech (1974) mengatakan `As a distintive technique, componential analysis first evolved in antropological linguistics as a means of studying relations between kinship terms, but it has proved its usefulness in many spheres of meaning'.

Menurut J. Lyons (1968), seperti yang dipetik oleh Ton Ibrahim (1987), analisis makna perkataan berdasarkan komponen semantik mempunyai sejarah yang lama dalam bidang linguistik, logik dan falsafah. Kaedah ini memang sedia terdapat dalam definisi secara tradisional, di mana sesuatu genus dibahagikan kepada species , species pula dibahagikan ke dalam subspecies. Kaedah ini digambarkan dalam kebanyakan kamus yang disusun bagi bahasa-bahasa tertentu dan juga dalam penyusunan Roget's Thesaurus.

Lounsbury (1956) seperti yang dipetik oleh Lehrer (1974), `An important point about componential analysis is that it presupposes aspects of the field theory, for instance, the necessity of looking at set of words in a carefully delineated area which have basic semantic features in common but of one or more differences in respect to several other features'.

Pernyataan ini memperlihatkan peri pentingnya mengetahui aspek-aspek teori bidang makna (field theory) terlebih dahulu, dengan kumpulan kata-kata dalam bidang yang ditentukan yang ada persamaan dari segi semantik tetapi yang maknanya berkontras disebabkan adanya komponen-komponen makna yang lain.

A. Lehrer (1974), menyatakan ' a field theory treats a related set of words that belong to a domain (semantic field, subject area). ...The field approach shows clearly the selection of lexical items available in a domain ...'. Menurutnya lagi, '... a semantic field is a group of words closely related in meaning, often subsumed under a general term. Theories of semantic field assume, on the other hand, that the vocabulary of the language is structured, just as the grammar and phonology of a language are structured - the words of a language can classified into sets which are related to conceptual field and divide up the semantic space or the semantic domain in certain ways'.

Menurut Ruth Gairns dan Stuart Redman (1986), analisis komponen ialah '... is a systematic means of examining sense relations. If we take items from the semantic field (and which therefore have some features in common with each other) we can, by breaking them down into their constituent part, examine the similarities and differences between them'.

Pernyataan ini disokong oleh Ruth M. Kempson (1989), ... that words do not have unitary meanings but are complexes of components'. Pernyataan ini membuktikan bahawa sesuatu perkataan tidak mempunyai satu makna tunggal sebaliknya akan mempunyai sejumlah kelompok komponen makna bagi memerikannya.

Contoh:

Woman akan dianalisis mempunyai sekelompok komponen makna +female, +adult, +human.

Spinster akan dianalisis mempunyai sekelompok komponen makna +female, +adult, +human, +not married.

Dengan menggunakan analisis komponen makna ini maka secara teratur, setiap makna perkataan dapat ditakrifkan seterusnya dapat diperlihat hubungan kehiponiman dan ketidakserasian makna perkataan (antonim).

Bagaimanapun, analisis komponen ini juga mempunyai kelemahannya yang tersendiri. Kelemahan ketara kaedah ini adalah terlalu banyak perbendaharaan perkataan yang nampaknya tidak dapat dicakup oleh analisis komponen makna sebagai alat menerapkan tafsiran yang tepat bagi setiap

item leksikal tersebut. Tambahan pula, pengupasan makna leksikal tidak menjelaskan hubungan antara makna leksikal dengan makna ayat. Ruth M. Kempson (1989) mengatakan, walau apapun kelemahannya, analisis semantik leksikal dalam bentuk perwakilan komponen semantik tetap bermaksud bahawa dasarnya pernyataan lengkap bagi makna sesuatu item leksikal itu dapat diberi. Manakala Frank Parker (1994) dipetik oleh Raja Rahawani Raja Mamat (1994), menggariskan 3 kelebihan analisis komponen (istilah yang digunakan `pemecahan leksikal'), pertama, ia memberikan penjelasan tentang intuisi kepada penutur bahawa makna sesuatu leksikal mempunyai hubung kait; kedua, memberi nilai makna tambahan bagi sesuatu leksikal dengan menambahkan fitur-fitur tertentu; ketiga, sekurang-kurangnya membolehkan sesuatu set leksikal diberikan nilai makna dengan bilangan fitur yang tertentu.

2.4 Komponen-Komponen Semantik

Menurut Eugene A Nida (1975) dipetik oleh Ton Ibrahim (1987), `..untuk menganalisis makna referens unit-unit linguistik, kita perlu mengenal pasti ciri-ciri (features) yang `perlu dan mencukupi' yang boleh membezakan makna satu bentuk tertentu daripada bentuk yang lain yang mungkin bertanding untuk mendapat tempat dalam lapangan semantik yang sama. Selain daripada mencari komponen-komponen semantik ini, adalah

perlu juga dicari apakah perkaitan yang terdapat antara komponen-komponen semantik berkenaan.

Pernyataan ini dengan jelas menerangkan betapa perlu makna item sesuatu leksikal itu diperinci untuk mencari ciri-ciri persamaan sesuatu leksikal. Penggunaan analisis komponen makna merupakan satu kaedah terbaik untuk memperlihat hubungan makna ini (lihat 2.3).

Ton Ibrahim (1987) seterusnya menjelaskan, `Analisis komponen semantik adalah bertujuan untuk menemui dan seterusnya menyusun komponen-komponen semantik perkataan atau unit-unit linguistik yang lain dan mencari perkaitan-perkaitan antara komponen-komponen berkenaan kerana permaknaan tentang perkaitan ini amat penting bagi pemahaman makna.

2.4.1 Jenis-Jenis Komponen Semantik

Eugene A Nida (1975), membahagikan jenis-jenis komponen semantik kepada 3, iaitu `common component' (komponen semantik bersama), `contrastive / diagnostic component' (komponen semantik kontrastik / diagnostik) dan `supplementary component' (komponen semantik tambahan).

2.4.1 Komponen Semantik Bersama

Komponen semantik bersama ialah ciri komponen-komponen semantik yang dikongsi bersama oleh beberapa perkataan. Perkongsian ciri komponen-komponen semantik ini meliputi sekurang-kurangnya sebahagian daripada setiap kata dalam sesuatu domain semantik.

Contoh:

Tidur, makan, minum, bercerita, menulis dan lain-lain membentuk komponen bersama +perbuatan kerana kesemua item leksikal ini merujuk kepada satu bentuk perbuatan yang dilakukan.

2.4.1.2 Komponen Semantik Kontrastik / Diagnostik

Komponen semantik kontrastik / diagnostik ialah komponen yang berperanan membezakan satu makna item leksikal dengan item leksikal yang lain atau beberapa item leksikal yang lain. Komponen ini juga dikenali sebagai komponen distingtif (pembeza).

Contoh:

Makan mempunyai ciri komponen semantik +perbuatan, +menelan, +benda yang berbentuk pepejal.

Minum mempunyai ciri komponen semantik +perbuatan, +menelan +benda yang berbentuk cecair / bendalir.

Kedua-dua item leksikal ini mempunyai ciri komponen semantik kontrastik / diagnostik berasaskan ciri makna pembeza 'bentuk bahan' tersebut.

2.4.1.3 Komponen Semantik Tambahan

Komponen semantik tambahan ialah komponen semantik yang biasanya terdapat pada makna sesuatu perkataan tetapi tidak diperlukan untuk membezakan dengan makna-makna item leksikal lain dalam komponen tertentu.

Contoh:

Father dalam bahasa Inggeris dalam ungkapan seperti "he was like a father to me" yang mempunyai komponen-komponen diagnostik +lelaki, +satu keturunan di atas ego dan

+hubungan keturunan menegak, menjadi kurang penting dalam komponen semantik lain iaitu +penjagaan dengan baik dan +mempunyai sifat kasih, menjadi komponen-komponen diagnostik dan inilah yang merupakan komponen-komponen semantik tambahan.

2.5 Jenis-Jenis Perkaitan Makna

Sesuatu item leksikal boleh mempunyai lebih daripada 1 makna bergantung kepada konteks linguistiknya. Hal ini ada dijelaskan dalam bahagian 1.7.3 yang bertajuk kolokasi.

Contoh:

Pak Ali <u>menampung</u> perbelanjaan keluarganya dengan bekerja sebagai petani.

Aminah cuba <u>menampung</u> baju ayahnya yang koyak itu.

Item leksikal <u>menampung</u> yang pertama membawa maksud <u>membiayai</u> merujuk kepada ciri komponen yang sama iaitu perbuatan. Sementara item leksikal <u>menampung</u> yang kedua membawa maksud <u>menampal</u> merujuk kepada ciri komponen yang sama juga iaitu perbuatan. Apa yang membezakan kedua-dua item ini ialah fitur khas distingtif yang merujuk kepada ciri perbuatan tersebut, yang pertama, +menanggung; yang kedua, +benda yang dilekatkan dengan cara jahitan;.

Menurut Eugene A. Nida (1975), perkaitan antara makna item-item leksikal yang berlainan boleh dibahagikan kepada 4 jenis, iaitu perkaitan rangkuman (inclusion), perkaitan tumpang tindih (overlapping), perkaitan saling melengkapi (complementation) dan perkaitan kontiguiti (contiguity).

2.5.1 Perkaitan Rangkuman

Perkaitan rangkuman bermaksud bahawa makna sesuatu item leksikal termasuk dalam makna satu item leksikal yang lain.

Contoh:

Makna item leksikal <u>kepompong</u> termasuk dalam makna item leksikal <u>kupu-kupu</u> dan makna item leksikal <u>kupu-kupu</u> pula termasuk dalam makna item leksikal <u>serangga</u>. Hal ini dipaparkan dalam rajah di bawah;



2.5.2 Perkaitan Tumpang Tindih

Perkaitan tumpang tindih antara makna-makna item leksikal bermaksud bahawa terdapat persamaan makna antara kata-kata yang boleh saling bergantian pada konteks-konteks tertentu. Makna item leksikal berkenaan tidak serupa pada keseluruhannya tetapi item leksikal tersebut mempunyai isi konseptualnya yang hampir sama.

Contoh:

Item leksikal <u>wanita</u> - +perempuan, +dewasa dan +berkahwin

Item leksikal <u>gadis</u> - +perempuan, -+dewasa dan -berkahwin

Isi konseptual yang hampir sama ialah +perempuan. Hubungan ini menunjukkan perkaitan makna tumpang tindih, lihat rajah di bawah:



2.5.3 Perkaitan Saling Melengkapi

Eugene A. Nida (1975), mencirikan 3 pembahagian hubungan saling melengkapi, iaitu opposites, reversives dan conversives. Perkaitan ini melibatkan beberapa komponen makna yang dikongsi bersama, tetapi menunjukkan pertentangan yang nyata dan selalunya berhubungan dengan makna yang berlawanan.

Opposites atau kata berlawanan melibatkan kualiti-kualiti yang bertentangan sama sekali antara item-item leksikal.

Contoh:

lelaki - perempuan

panjang - pendek

tebal - nipis

Gambaran dalam bentuk rajah seperti di bawah:



Reversives atau perkaitan kebalikan melibatkan kebalikan yang berlaku dalam peristiwa-peristiwa tertentu.

Contoh:

mara - undur

pasang - surut

Conversives adalah perkaitan antara kenyataan-kenyataan yang bersalingan.

Contoh:

kasih-mengasihi

pukul-memukul

2.5.4 Perkaitan Kontiguiti

Perkaitan kontiguiti adalah perkaitan antara perkataan-perkataan yang mempunyai makna yang berkaitan rapat, yang biasanya termasuk ke dalam satu domain semantik yang sama dan menunjukkan perbezaan-perbezaan yang nyata antara satu sama lain, yakni setiap item leksikal yang lain dalam domain yang sama oleh sekurang-kurangnya satu ciri atau komponen makna yang penting.

Contoh:

rebah dan jatuh - merujuk kepada satu pergerakan yang membawa maksud tumbang. Bagaimanapun ciri utama yang membezakan kedua-duanya ialah kecepatan daya tumbang antara kedua-duanya. Bagi item leksikal rebah - daya pergerakannya lebih perlahan atau beransur-ansur. Sementara bagi item leksikal jatuh - daya pergerakannya lebih cepat atau spontan. Hubungan yang wujud antara kedua-dua item ini adalah perkaitan makna kontiguiti.

2.6 Domain Semantik

Menurut E.A. Nida (1974), yang dipetik oleh Ton Ibrahim (1987), 'Satu domain semantik terdiri daripada satu kumpulan makna perkataan (bukan sahaja terhad kepada perkataan-perkataan) yang mengongsi komponen semantik tertentu. Walaupun setengah-setengah domain semantik, misalnya entiti, benda-benda bernyawa, masses, artifacts peristiwa, proses-proses dan lain-lain boleh kelihatan sebagai kategori-kategori logikal, yang didasarkan kepada penggolongan-penggolongan fenomena di luar bahasa, domain-domain itu dari segi kenyataannya tidak bergantung kepada mana-mana sistem permaknaan atau taksonomi terlebih dahulu. Bagi mana-mana bahasa juga, domain semantik terdiri hanya dari makna-makna

yang mempunyai komponen semantik bersama. Sejauh mana domain berkenaan dan pada peringkat mana dalam struktur hierarki domain ini boleh berfungsi bergantung semata-mata kepada keseluruhan struktur dalam bahasa berkenaan'.

Beliau juga menjelaskan dalam penggolongan sesuatu item leksikal dalam sesuatu domain, yang dipentingkan ialah perbezaan makna dari segi semantik, iaitu ciri konseptual yang menjelaskan perlakuan bahasa seperti penamaan atau parafrasa.

Dalam sesuatu domain semantik, terdapat banyak kata kunci yang melingkungi sesuatu kata fokus yang membawa sesuatu makna utama item leksikal.

Menurut Toshihiko Izutsu (1964), ' vocabulary in short, is a multi-strata structure. And these strata are formed, linguistically by groups of key-words, which we have named 'semantic field'. Bagaimanapun, satu sistem diperlukan iaitu 'kata fokus" (focus-word) untuk mengehad dan menganalisis sesuatu medan makna (semantic field). Menurut beliau lagi, '... focus-word corresponding to new methodological concept with will prove very useful when we are engaged in isolating and analyzing semantic field'.

Berikut adalah contoh item leksikal Universiti Malaya untuk diperincikan maknanya. Beberapa kata kunci yang mempunyai hubungan yang rapat dengan makna kata fokus akan mengelilingi kata fokus Universiti Malaya. Universiti Malaya merupakan satu institusi pembelajaran dan pengajaran, terdiri daripada bangunan-bangunan yang dicirikan sebagai fakulti, jabatan-jabatan tertentu, dewan kuliah, bilik seminar sebagai bilik tutorial untuk para mahasiswa dan mahasiswi belajar, dikendalikan oleh para pensyarah dan tutor, sebuah perpustakaan utama untuk para pelajarnya mengulang kaji dan meminjam buku, dewan peperiksaan untuk menguji pemahaman dan kebijaksanaan para pelajar, makmal untuk membuat ujikaji, Perdana Siswa untuk membeli buku-buku dan peralatan keperluan, Dewan Tunku Canselor untuk acara rasmi, bangunan pentadbiran, dan padang permainan untuk riadah dan rekreasi.

Kata-kata kunci di atas sebenarnya hanya sebahagian sahaja perincian makna bagi kata fokus Universiti Malaya, bagaimanapun ia memadai untuk memberikan gambaran ringkas makna yang didukungi oleh kata fokus institusi ini. Di bawah adalah perincian makna kata fokus dirajahkan sebagai satu bulatan medan makna;

Fakulti

mahasiswa/i

jabatan-jabatan

pensyarah

dewan kuliah

tutor

Universiti Malaya

bilik seminar

padang permainan

perpustakaan utama

bangunan pentadbiran

dewan peperiksaan

Dewan Tunku Canselor

makmal

Perdana Siswa

Semua kata kunci yang mengelilingi item leksikal Universiti Malaya merupakan medan makna Universiti Malaya. Setiap satu kata kunci merupakan satu komponen makna bagi kata fokus institusi tersebut.

Pernyataan di atas menunjukkan dengan jelas peri pentingnya penggunaan analisis komponen semantik untuk menentukan domain sesuatu item leksikal. Penentuan domain semantik seterusnya memperlihatkan ciri-ciri dalam hubungan perkaitan makna yang mungkin wujud dalam sesuatu kelompok item leksikal.

2.7 Kesimpulan

Ciri-ciri analisis komponen telah mula wujud dalam kajian semantik peringkat 1 (struktural) dan seterusnya dalam kajian semantik peringkat 2, generatif dan interpretif (yang menggunakan ilmu logik). 'Analisis komponen' ini diterapkan kepada struktur ayat dengan cuba memberikan fitur-fitur khas (distingtif) untuk memperlihatkan sifat serta hubungan antara fitur-fitur yang terhasil.

Bagaimanapun analisis komponen yang sebenarnya lebih menyerlah fungsinya dalam pemberian makna item leksikal yang mengatur fitur-fitur distingtif untuk memperlihat ciri-ciri khas sesuatu item leksikal. Analisis komponen sememangnya tidak dapat diterapkan dalam struktur ayat, apatah lagi untuk memperlihat hubungan yang wujud antara ayat, namun fungsinya dalam pemberian pernyataan lengkap bagi sesuatu item leksikal tidak dapat diketepikan.

Penggunaan analisis komponen sebagai satu cara analisis item leksikal peribahasa Melayu cuba menyenaraikan fitur-fitur distingtif yang membentuk ciri-ciri khas sesuatu item leksikal peribahasa. Hasil selanjutnya akan memperlihatkan hubungan dalam perkaitan makna antara item leksikal peribahasa yang membentuk domain-domain semantik yang tertentu.